

PEMBUKTIAN DALAM KES JENAYAH SYARIAH MALAYSIA: ISU DAN PENYELESAIAN¹

(Proving Cases in Syariah Courts: Issues and Resolutions)

Zulfakar Ramlee Saad²
zra@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Jalan Gombak, 53100,
Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Abstrak

Pembuktian merupakan faktor utama dalam memastikan keadilan dalam proses pentadbiran keadilan jenayah syariah. Makalah ini mengkaji tahap kefahaman isu berkaitan dengan pembuktian di mahkamah syariah seperti isu beban dan tahap pembuktian. Salah faham dalam perbezaan istilah dan prinsip-prinsip berkaitan akan menyukarkan keputusan adil dibuat. Makalah ini juga melihat pemakaian *iqrar* yang dibuat di luar mahkamah dan keterangan yang dibuat oleh pakar. Penulis membuat kajian terhadap undang-undang berkaitan dan juga keputusan oleh mahkamah. Pemahaman yang tepat tentang undang-undang pembuktian ini penting untuk pihak pendakwa, peguam dan mahkamah membuat keputusan yang adil.

Kata kunci: pembuktian, mahkamah syariah, *iqrar*, *qarinah*, DNA

Abstract

Proving an offence is one of the main factors in administering justice in a court of law. This article examines the level of understanding on issues relating to proving criminal cases in Syariah courts such as the evidentiary burden of proof and standard of proof. Misunderstanding of the different terminology and related principles will cause difficulty in making just decisions. This article also looks at the use of admissions made outside the court and testimony given by experts. The writer examines related laws and decisions of the courts. The correct understanding of evidentiary laws is important for prosecutors, lawyers and the courts to make just decisions.

-
- 1 Adaptasi daripada kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Undang-Undang & Masyarakat, anjuran Harun Hashim Law Centre, IIUM pada 3 April 2014.
 - 2 Penolong Profesor di Jabatan Amalan Perundangan, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, IIUM.

Keywords: proving, syariah courts, admission, circumstantial evidence, DNA

ISU BEBAN DAN TAHAP PEMBUKTIAN

Perkataan “beban” (*burden/onus*) bermaksud tanggungjawab, kewajipan atau tugas. Oleh itu, penentuan kepada siapa beban pembuktian dikenakan merupakan sesuatu yang penting dalam mana-mana sistem keadilan. Kegagalan menentukan siapakah yang memikul beban pembuktian itu boleh mengakibatkan berlakunya ketidakadilan pada peringkat awal prosiding lagi.

Perkembangan terkini mahkamah syariah agak membanggakan kerana telah mula merujuk seksyen 73 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) 1993 (selepas ini dirujuk dengan AKMS 1993)³ dalam isu beban pembuktian, namun adakalanya para hakim hanya sekadar menukilkan peruntukan tersebut tanpa huraian.

Pemakaian seksyen 72 juga boleh menimbulkan salah faham terhadap konsep beban pembuktian.⁴ Seksyen ini hanya diguna pakai untuk kes-kes mal. Dalam kes *Normah binti Muda lwn Daud bin Awang Min*,⁵ YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu cuba membincangkan ketiga-tiga seksyen berkaitan beban pembuktian iaitu seksyen 72, 73 dan 74. Beliau membincangkan konsep beban perundangan (*legal burden*) yang terdapat pada seksyen 101 Akta Keterangan 1950 yang menyamai seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan juga beban keterangan (*evidential burden*) seperti yang terdapat pada seksyen 102 Akta Keterangan 1950 yang menyamai seksyen 74 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Walau bagaimanapun, dengan istilah yang digunakan seperti “beban membuktikan kes”, “beban membuktikan fakta” dan “beban mengemukakan keterangan” pada ketiga-tiga seksyen, iaitu 72, 73 dan 74 boleh menimbulkan kekeliruan mengenai tanggungjawab pihak yang perlu memikul beban pembuktian yang sebenarnya.⁶

Secara mudahnya beban yang diperuntukkan bawah seksyen 73 AKMS 1997 yang menyamai seksyen 101 Akta Keterangan 1950 telah kenali sebagai “beban perundangan” terjemahan daripada bahasa Inggeris *legal burden* yang bermaksud satu tanggungjawab atau tugas yang dikenakan kepada satu pihak untuk membuktikan kewujudan sesuatu fakta (lazimnya berhubung dengan kewujudan sesuatu persoalan). Istilah lain bagi beban kategori ini ialah *burden of persuasion*, iaitu tanggungjawab satu pihak untuk meyakinkan mahkamah akan kewujudan sesuatu fakta. Beban jenis

3 Akta 561.

4 Lihat kes *Jariah Binti Yahya dan 3 yang lain lwn Nor Hasiah binti Harun* [2010] JH 31/1 81. [2012] JH 35/1 97.

6 [2012] JH 35/1 97 hlm. 114-15.

ini agak sukar atau sedikit berat berbanding dengan kategori kedua, iaitu *evidential evidence* yang bermaksud tanggungjawab untuk mengemukakan keterangan. Beban ini diperuntukkan di bawah seksyen 74 AKMS 1997.

Pemakaian terhadap tahap pembuktian yang tepat merupakan asas keadilan yang sebenar. Kegagalan mengguna pakai tahap yang diperlukan juga mengakibatkan berlakunya ketidakadilan kepada pihak terbabit. Dalam isu ini, hakim mahkamah syariah masih belum menyatakannya dengan jelas. Kegagalan menyebut tahap pembuktian dengan jelas menyebabkan timbulnya dua andaian. Pertama, sama ada kes tersebut benar-benar telah mencapai tahap yang diperlukan. Kedua, hakim sendiri tidak jelas mengenai tahap yang diperlukan dalam kes tersebut yang akhirnya boleh membawa kepada ketidakadilan.

Dalam kes jenayah hudud yang mewajarkan hukuman hudud seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah II 1993 Kelantan dan Enakmen Kesalahan Jenayah (Hudud & Qisas) 2002 Terengganu, tahap pembuktian seperti yang disepakati oleh para ulama ialah *al-yaqin*. Pada peringkat membuktikan *prima facie* kes pula, disarankan agar tahap perlu yang diperlukan adalah setakat *dhan al-ghalib*.

Walau bagaimanapun, dalam kes yang melibatkan kesalahan takzir seperti pemujaan salah,⁷ tidak berpuasa di bulan Ramadan,⁸ berjudi,⁹ khalwat¹⁰ dan lain-lain lagi, atau kesalahan hudud (walau bagaimanapun hukuman yang diperuntukkan ialah *takzir*) seperti meminum minuman yang memabukkan,¹¹ persetubuhan luar nikah¹² dan *qazaf*,¹³ atau seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 47 Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah II Kelantan 1993, adalah pada tahap *dhan al-ghalib* atau dalam bahasa perundangan sivil “melampaui keraguan yang munasabah”. Begitu juga pada peringkat membuktikan *prima facie* kes disarankan agar tahap yang perlu yang diperlukan hanyalah setakat *dhan* atau dalam bahasa perundangan sivil “imbangan dua keberangkalan”.¹⁴ Sekiranya saranan ini dipersetujui maka para hakim bolehlah menyatakannya dalam penghakiman nanti atau satu “arahan amalan” perlu diwujudkan.

7 Seksyen 3 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997. [Akta 559].

8 Seksyen 15 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

9 Seksyen 18 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

10 Seksyen 27 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

11 Seksyen 19 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

12 Seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

13 Seksyen 41 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

14 Zulfakar Ramlee, *Onus and Quantum of Proof in Islam*, [2012] *ShLR* hlm. xliii.

ISU BERKAITAN *IQRAR*

Dalam sistem keadilan Islam, *iqrar* atau pengakuan merupakan kaedah pembuktian yang penting dan kuat. Tidak hairanlah kaedah ini digelar *Sayyid al-Adillah*, yakni penghulu kepada keterangan. Kebolehterimaan *iqrar* dalam konteks penghakiman adalah kerana secara logiknya tidak ada seorang yang waras yang sanggup menanggung liabiliti atau hukuman berdasarkan pengakuannya melainkan atas dasar kebenaran. Pepatah mengatakan “berani kerana benar”, maka kerana benarlah, seseorang itu sanggup membuat pengakuan salah dan bersedia menerima akibat atau hukuman hasil daripada pengakuan tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa syarat penting yang mesti dipenuhi oleh seseorang yang membuat pengakuan (*muqir*) sebelum pengakuan (*iqrar*) itu boleh diterima. Dalam Islam dan kini syarat-syarat ini telah dikanunkan di bawah seksyen 18 AKMS 1993. Antaranya termasuklah seseorang itu mestilah yang waras atau berakal. Maka orang yang kurang siuman, pengakuannya tidak diterima. Orang tersebut mestilah telah mencapai umur baligh atau dewasa menurut hukum syarak, dan syarat ini mesti dipakai terutamanya dalam kes yang melibatkan kesalahan jenayah. Syarat yang paling penting ialah pengakuan tersebut mestilah dibuat secara sukarela. Tiada peruntukan yang membincangkan maksud perkataan “sukarela”. Hal ini memberikan peluang kepada perdebatan yang panjang sekiranya isu ini dibangkitkan di mahkamah kelak.

Pengakuan di Luar Mahkamah Syariah?

Sesuatu *iqrar* itu dianggap sah sekiranya dibuat di dalam mahkamah dan di hadapan hakim. Pengakuan sebegini tidak dinafikan kesahannya serta tidak diragui kebolehterimaannya kerana hakim sendiri mempunyai peluang untuk memastikan syarat-syarat yang dinyatakan tersebut dipenuhi. Bahkan dalam Akta Tatacara Jenayah Syariah (WP) 1997 di bawah seksyen 96 misalnya disyaratkan agar hakim memastikan bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat daripada pengakuan tersebut. *Iqrar* itu juga mestilah dibuat dengan jelas dan tidak bersyarat.

Isu yang lebih menarik ialah kedudukan *iqrar* yang dibuat di luar mahkamah. Ulama silam telah berbincang persoalan ini dan sebahagian daripada pandangan mereka telah diadaptasikan di bawah seksyen 17(2) AKMS 1993. Ringkasnya, *iqrar* yang dibuat oleh seseorang diluar mahkamah syariah masih sah dan boleh diterima sekiranya pengakuan tersebut dibuat di hadapan sekurang-kurang dua orang lelaki yang waras (*aqil*), dewasa (*baligh*)

dan adil. Mereka ini akan dipanggil sebagai saksi dan akan memberikan kesaksian terhadap *iqrar* yang dibuat.

Oleh itu, seseorang yang mengaku di hadapan dua orang lelaki yang waras, dewasa dan adil bahawa dia telah menceraikan isterinya atau telah melakukan satu kesalahan jenayah syariah boleh dihukum berdasarkan kesaksian dua orang saksi tadi. Mahkamah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semasa pengakuan itu dibuat, orang yang mengaku (*muqir*) memenuhi tiga syarat utama, iaitu waras, dewasa dan tanpa paksaan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 AKMS 1997.

Bagaimanakah kedudukan pengakuan yang hanya disaksikan oleh seorang lelaki yang waras, dewasa dan adil? Atau oleh dua lelaki tetapi tidak bersifat adil?

Pengakuan tersebut masih relevan dan penerimaannya masih boleh dipertimbangkan oleh mahkamah. Inilah yang diperuntukkan dibawah seksyen 17(3) AKMS 1997.

Isu yang lebih menarik adalah mengenai kedudukan seseorang yang mengaku atau membuat kenyataan bersumpah di mahkamah sivil bahawa dia melakukan kesalahan jenayah syariah seperti berzina atau minum minuman yang memabukkan.¹⁵ Kenyataan ini bersifat *iqrar* berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 17(1) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) 1997. Walaupun kenyataan ini tidak dibuat di mahkamah syariah tetapi berdasarkan seksyen 17(2)(b) dan 17(3) pengakuan ini masih boleh diterima dalam prosiding mahkamah syariah. Orang yang membuat kenyataan ini tidak boleh menafikan kenyataannya sendiri kerana telah dicatatkan bahkan dia telah diabadikan sebagai rekod prosiding yang rasmi dan sah. Beliau juga tidak berupaya untuk berdalih mengatakan bahawa beliau sengaja mereka cerita tersebut dengan pelbagai alasan kerana beliau boleh dituduh atau didakwa dengan kesalahan memberikan keterangan palsu seperti yang diperuntukkan dibawah seksyen 191 Kanun Keseksaan. Hukuman di bawah seksyen 191 Kanun Keseksaan ini adalah jauh lebih berat daripada mengiakan apa yang telah diperkatakannya.

Persoalan yang sering menjadi tanda tanya ialah mengapa pula seseorang Islam yang membuat kenyataan berupa pengakuan (*iqrar*) di mahkamah sivil tidak didakwa di mahkamah syariah? Adakah pengakuan tersebut

15 Lihat ruangan dalam "Muslims Who Admit to Adultery Face Trial" dlm. *The Sun*, 13 Julai 1999, hlm. 6.

tidak diterima pakai di mahkamah syariah.¹⁶ Persoalan kebolehterimaan pengakuan atau kenyataan tersebut telah dijawab dari sudut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) 1997. Persoalan kini lebih kepada isu prosedur atau tatacara jenayah. Jawapan yang diberikan juga melibatkan persoalan tatacara jenayah, iaitu menunggu laporan atau aduan berhubung dengan sesuatu kes. Jawapan ini tidak mencerminkan hasrat Islam mahupun undang-undang bertulis.¹⁷ Pematuhan kepada kehendak seksyen 54 Akta Prosedur Jenayah Syariah (WP) 1997 bukanlah satu alasan kukuh mengapa tindakan tidak dapat diambil kerana masih lagi terdapat beberapa peruntukan seperti di bawah Seksyen 57 dan 75 akta yang sama yang terang-terang memberikan kuasa penyiasatan dan pendakwaan tanpa perlu menunggu maklumat bertulis dan tandatangan pemberi maklumat tersebut.¹⁸

PENGERertian *AL-BAYYINAH* DAN IMPLIKASINYA

Seksyen 3 dalam mendefinisikan makna “keterangan” menyatakan bahawa “keterangan” termasuklah:

- (a) *bayyinah* dan *syahadah*;
- (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;
- (c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

Makna *bayyinah* pula ialah “keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*”.

Al-shahadah pula ialah “apa-apa keterangan yang diberikan di mahkamah dengan menggunakan lafaz *asyhadu* untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan”.

16 Sebagai contoh kes pendakwaan terhadap Hanif Basree yang dituduh membunuh Noritta Shamsuddin, apabila Hanif mengaku semasa perbicaraan di mahkamah sivil bahawa beliau berzina dengan si mati. Kes ini turut mendapat liputan majalah tabloid yang mempersoalkan Jabatan Agama Islam. Lihat tabloid ‘M’ *MATAHARI*, Bil. 59, 16-31 Julai 2004 dengan tajuk muka depan ‘ JAIS Jangan Lepas Tangan.’

17 Lihat *Mingguan PERDANA*, Bil. 768 di muka depan yang memetik “JAWI Menunggu Aduan ...”

18 Lihat Zulfakar Ramlee, “Penyiasatan di Dalam Kanun Acara Jenayah Syariah di Malaysia”, dlm. *Pendakwaan dan Penyiasatan*, Monir & Shamsiah (ed), IKIM, 2003, 113. 2010, Jil. 6, hlm. 175-85.

Dengan bahasa yang mudah, *al-shahadah* merupakan sejenis keterangan lisan yang didahului dengan lafaz *asyhadu* yang dibuat di mahkamah oleh saksi yang memenuhi syarat sebagai saksi yang layak untuk memberikan kesaksian seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 83(1) AKMS 1997. Antara syarat yang diperlukan termasuklah seorang yang beragama Islam, berakal, baligh (cukup umur), adil, mempunyai ingatan yang baik dan tiada tohmahan terhadap dirinya.

Jelaslah di sini bahawa saksi yang bukan Islam tidak kompeten untuk memberikan *al-shahadah*. Kedudukan mereka sama seperti seorang Islam yang tidak mempunyai sifat adil. Begitu juga seorang Islam yang adil tetap tidak kompeten untuk memberikan *al-shahadah* sekiranya terdapat tohmahan atau prasangka sama ada terhadap dirinya kerana ada kepentingan dalam kes tersebut atau disebabkan faktor hubungan baik atau tidak baik antara saksi dengan pihak yang terlibat. Persoalannya, apakah kedudukan atau status saksi bukan Islam dalam konteks Malaysia? Peranan orang bukan Islam dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk tidak dapat dinafikan kepentingannya terutama dalam sistem kehakiman syariah. Saksi bukan Islam bukan sahaja relevan tetapi dalam keadaan tertentu amat diperlukan kerana dapat membantu mahkamah dalam menyelesaikan banyak kes.¹⁹

Secara mudahnya, *al-bayyinah* merupakan keterangan lisan yang dibuat oleh saksi yang tidak memenuhi syarat sebagai seorang saksi untuk memberikan kesaksian seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 83(1) AKMS 1997. Saksi-saksi ini tidak memberikan kesaksian (*shahadah*) tetapi hanyalah *bayyinah*. Mereka terdiri daripada saksi bukan Islam atau saksi orang Islam tetapi fasik. Menariknya, seorang Islam yang adil pun tetapi mempunyai kepentingan dalam kes tersebut tetap memberikan *bayyinah* bukan *al-shahadah*.²⁰ Inilah yang diperuntukkan di bawah seksyen 83(2):

Seseorang yang bukan Islam adalah kompeten untuk memberi *bayyinah* untuk orang Islam jika keterangannya boleh diterima mengikut hukum syarak.

Pemakaian peruntukan ini telah dilaksanakan dalam beberapa kes mahkamah syariah antaranya dalam kes *Si Mati Nyonya binti Tahir*,²¹ *Nur Adryana Qestina binti Abdullah*²² dan yang terkini dalam kes *Pengisytiharan*

19 Untuk perbincangan lanjut sila baca artikel penulis "The Status of Non-Muslims for Giving Evidence in the Islamic Judicial System: Past and Present" dlm. *Journal of Islamic Law Review*.

20 Lihat seksyen 83 (2)(3) (4) (5)(6)(7), 84, 85(3)(4) AKS.

21 Mahkamah Tinggi Syariah Seremban [2006] *JH* 221.

22 [2008] *JH* 25/1 157.

*Pembubaran Perkahwinan kerana Pemelukan Islam Norhairi Cheng bin Abdullah.*²³

ISU MELIBATKAN *AL-SHAHADAH*

Al-shahadah ialah kesaksian yang diberikan oleh saksi di dalam mahkamah. Beberapa persoalan timbul daripada peruntukan dalam enakmen yang berkaitan. Isu pertama ialah peruntukan yang mengkehendaki seorang saksi yang hendak mengucapakan “*shahadah*” mestilah menggunakan lafaz “*asyhadu*” seperti yang terdapat dalam seksyen 3 AKMS 1997. Akan timbul persoalan jika secara amali tiada diikuti tatacara seperti yang dikehendaki dalam peruntukan tersebut apakah status keterangan tersebut. Ada kemungkinan sekiranya syarat-syarat saksi untuk memberikan kesaksian (*al-shahadah*) ini jika tidak dipenuhi akan bermakna saksi-saksi tersebut hanya memberi keterangan (*bayyinah*).

Persoalan kedua ialah keperluan terhadap proses *tazkiyah al-shuhud* seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang.²⁴ Pada amalannya tiada pemeriksaan rahsia seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 121 AKMS 1997. Oleh sebab itu saksi hanya dianggap memberi *bayyinah* dan bukan *al-shahadah*. Tetapi sekiranya saksi mengambil sumpah seperti kehendak seksyen 129 AKMS 1997, keterangannya masih boleh diterima sebagai *al-shahadah*.

Isu ketiga adalah tentang peruntukan di bawah seksyen 86 AKMS 1997 (*nisab al-shahadah*) yang menimbulkan persoalan dalam kes jenayah hudud terutama zina, iaitu berapa bilangan saksi yang diperlukan. Oleh sebab hukuman bagi kesalahan zina hanyalah berbentuk takzir, maka kehendak kepada bilangan empat orang saksi tidak menjadi satu keperluan. Oleh itu, seksyen 86(5) AKMS 1997 yang menyatakan “keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan” adalah terpakai. Mungkin ini juga sebabnya mengapa seksyen 86 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002 (Negeri Kelantan) telah mengetepikan peruntukan enakmen lama negeri Kelantan, iaitu Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991 yang mensyaratkan “zina yang membawa kepada hukuman hudud perlu kepada empat orang saksi. Bagi kesalahan zina yang mewajarkan hukuman hudud maka seksyen

23 [2010] JH 30/1 79.

24 Lihat seksyen 119-128 AKS 1997.

40(2)²⁵ dan 43 Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah II 1993 Kelantan adalah terpakai.²⁶

Ketiga; Peruntukan dibawah seksyen 86 AKMS 1997 (*nisab al-shahadah*) yang menimbulkan persoalan, iaitu dalam kes jenayah hudud terutama zina, berapakah bilangan saksi yang diperlukan? Mengapa tidak dinyatakan dengan jelas? Mengapa enakmen lama negeri Kelantan, iaitu Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991 mensyaratkan “ zina yang membawa kepada hukuman hudud memerlukan empat orang saksi? Dan mengapa pula peruntukan ini telah ditiadakan dalam enakmen yang baharu?²⁷

Jawapannya adalah kerana hukuman bagi kesalahan zina hanyalah berbentuk takzir, maka kehendak kepada bilangan empat orang saksi tidak menjadi satu keperluan. Oleh itu, seksyen 86(5) AKMS 1997 adalah terpakai.

Bagi kesalahan zina yang mewajarkan hukuman hudud maka seksyen 40(2)²⁸ dan 43 Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah II 1993 Kelantan adalah terpakai.²⁹

PEMAKAIAN AL-QARINAH³⁰

Terdapat tiga kategori *qarinah* yang diterima pakai dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) 1997.

Pertama, *qarinah* yang bersifat umum, iaitu merangkumi *al-alamat (qarinah lafziyah)* dan *al-amarat (shawahidul hal)* yang dalam perundangan Barat dikenali sebagai *circumstantial evidence*. *Qarinah* kategori inilah yang dirujuk dalam seksyen 3 AKMS 1997 dalam mendefinisikan makna *al-Bayyinah*, iaitu: “keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*”.

Qarinah dalam kategori kedua pula merujuk “kaitan atau relevan”, dalam perundangan Barat dan Akta Keterangan 1950 dikenali sebagai

25 “Bilangan saksi-saksi yang dikehendaki untuk membuktikan kesalahan zina hendaklah tidak kurang daripada empat orang.”

26 Seksyen 43 berkenaan dengan kesan dari kesaksian yang ditarik balik.

27 Lihat seksyen 86, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002 (No.9 2002).

28 “Bilangan saksi-saksi yang dikehendaki untuk membuktikan kesalahan zina hendaklah tidak kurang daripada empat orang.”

29 Seksyen 43 berkenaan dengan kesan dari kesaksian yang ditarik balik.

30 Zulfakar Ramlee, “Al-Qarinah: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah” (Bab 7) dlm. Nasimah *et al*, *Undang-Undang Islam; Jenayah, Keterangan dan Prosedur, Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia*. Jilid 13, DBP, 2007, hlm.187-211.

relevancy. *Qarinah* kategori dinyatakan di bawah seksyen 3 AKMS 1997 sebagai:

“Fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Akta ini”.

Qarinah kategori kedua inilah yang diperuntukkan dengan banyaknya dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah 1997 yang merangkumi seksyen 5 hingga seksyen 42.

Qarinah kategori ketiga pula dikenali sebagai anggapan atau andaian. Dalam perundangan Barat dikenali sebagai *presumptive proof*, manakala Akta Keterangan 1950 mengklasifikasikan kategori ini kepada dua, iaitu anggapan berbentuk fakta dan anggapan undang-undang. *Qarinah* jenis ini juga dinyatakan di bawah seksyen 4 AKMS 1997:

- (1) Bilamana diperuntukkan oleh Akta ini bahawa Mahkamah boleh menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, Mahkamah boleh samada menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya, atau boleh meminta buktinya.
- (2) Bilamana diperuntukkan oleh Akta ini bahawa Mahkamah hendaklah menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, Mahkamah hendaklah menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya.

Pemakaian *qarinah* jenis ini sesetengahnya telah diperuntukkan dalam Akta Keterangan sendiri seperti dalam seksyen 80, 81 dan 82 dan boleh juga dilihat dalam seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam (WP) 1984 (Akta 303).

Pemakaian *Qarinah* dalam Kesalahan Jenayah Takzir³¹

Kebanyakan ulama bersetuju dengan pemakaian *qarinah* dalam kes yang melibatkan hukuman takzir. Di samping itu, terdapat isyarat daripada kisah yang terdapat dalam al-Quran mengenai Nabi Yusuf dengan Zulaikha. Hujah yang jelas juga yang ditunjukkan oleh Rasullulah sendiri dalam

31 Zulfakar Ramlee, “Al-Qarinah: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah” (Bab 7) dlm. Nasimah *et al*, *Undang-Undang Islam; Jenayah, Keterangan dan Prosedur, Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia*. Jilid 13, DBP, 2007, hlm.201.

kes penyelewengan harta Khaibar. Dinyatakan bahawa harta rampasan yang banyak tersebut diamanahkan kepada Kananah bin Ruba'I Ibnu Am' Huyay bin Aqtab tetapi dalam masa yang singkat sahaja barang-barang itu telah didapati berkurangan. Apabila Nabi bertanya kepada beliau lantas dijawabnya bahawa harta tersebut telah dibelanjakan secara sah. Nabi berkata, "Dalam masa yang singkat sedangkan harta itu banyak". Maka Nabi mengarahkan sahabat menyiasat lalu didapati Kananah berbohong kerana beliau menyembunyikan barang tersebut.³²

Dalam kes rogol, sekiranya rogol itu dikira sebagai kesalahan jenayah takzir.

Dalam satu kes pada zaman Rasulullah SAW, seorang lelaki telah menyerang seorang wanita dengan niat untuk memperkosanya. Wanita itu menjerit dan terus pengsan. Lelaki itu terus melarikan diri. Seorang lelaki lain mendengar jeritan wanita itu dan datang membantu dan cuba mengangkat wanita tersebut. Tidak lama kemudian datang sekumpulan orang yang turut mendengar jeritan wanita itu tadi. Mereka menyangka lelaki kedua itulah yang menyerang wanita. Lalu lelaki itu dibawa ke hadapan Rasulullah SAW. Apabila wanita itu sedar, dia turut memberi "kesaksian" bahawa lelaki itulah yang menyerangnya. Berdasarkan "kesaksian" wanita itu dan keterangan orang-orang yang menangkap lelaki kedua itu bahawa mereka mendapati tertuduh sedang merangkul (memeluk) mangsa tersebut, Rasulullah SAW mendapati lelaki itu bersalah dan menjatuhkan hukuman rejam. Walau bagaimanapun lelaki pertama tadi tampil membuat pengakuan bersalah. Lantas Rasulullah SAW melepaskan lelaki yang kedua tadi.

Dalam kes ini, Rasulullah SAW telah menerima pakai *qarinah* dengan "kesaksian" wanita yang cuba dirogol tadi dalam menjatuhkan hukuman. Saidina Umar juga menggunakan *qarinah* dalam kes yang hampir sama.

Diriwayatkan bahawa pada zaman pemerintahan Saidina Umar al-Khattab, seorang wanita yang telah terpicak dengan seorang lelaki Ansar, tetapi tidak diendahkan oleh lelaki tersebut telah melumuri sebahagian daripada putih telur pada beberapa bahagian pakaiannya dan pada betisnya. Ketika mana lelaki tersebut melalui di hadapannya, dia menjerit meminta tolong seolah-olah dia dirogol oleh lelaki tersebut. Orang ramai membawa wanita dan lelaki tersebut pergi

32 Lihat Ibnu Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*; Ibnu Qayyim, Shamsuddin, *Turuq al-Hukmiyyah*.

bertemu Saidina Umar. Khalifah kemudiannya telah meminta pendapat daripada beberapa orang wanita dan kelihatannya mereka bersetuju bahawa terdapat kesan air mani di atas pakaian dan badan wanita itu. Lalu, lelaki itu ditahan dan dia menafikan dakwaan yang dikenakan ke atasnya. Kemudian Saidina Umar telah meminta pendapat daripada Saidina Ali. Saidina Ali memerintahkan seseorang untuk membawa air yang panas mendidih lalu dituangkan ke atas pakaian wanita itu, setelah itu mereka menyedari bahawa kesan tersebut ialah telur dan bukan kesan air mani.³³

Jika dilihat dalam konteks kesalahan takzir di Malaysia seperti di bawah seksyen 27 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (WP) 1997 mengenai khalwat diperuntukkan:

Mana-mana :

- (a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau *mahramnya*; atau
- (b) orang perempuan yang didapati berada bersama seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau *mahramnya*,

di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dalam membuktikan kes seperti ini, tidak dapat dinafikan bahawa *qarinah* sangat memainkan peranannya. Dalam satu kes yang melibatkan kesalahan sumbang mahram, iaitu kes *Pendakwa Syarie lwn Jalil Embong dan Zaliha*³⁴ sekali lagi *qarinah* digunakan dalam menyokong pengakuan yang dibuat oleh kedua-dua tertuduh.

33 Ibnu Qayyim, Shamsuddin, *Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyah*.

34 JH (1425H) Jil 17 Bhg 1 hlm 93.

PEMAKAIAN *QARINAH* DALAM KESALAHAN HUDUD³⁵

Walaupun jumurh ulama bersetuju *qarinah* dipakai sebagai satu kaedah pembuktian namun untuk memakainya bagi membuktikan kesalahan hudud, ramai antara mereka tidak begitu bersetuju sekiranya hanya *qarinah* digunakan. Namun, terdapat dalam kalangan ulama yang begitu yakin dan bersungguh-sungguh menegaskan bahawa dengan *qarinah* semata-mata sudah cukup untuk menyabitkan sesuatu kes walaupun kes tersebut merupakan kesalahan hudud yang memerlukan tahap pembuktian yang tinggi, iaitu *al-yaqin (certainty)*.

Sekiranya dilihat dalam al-Quran mengenai kes Maryam, tuduhan yang dikenakan kepada Maryam amatlah berat, iaitu zina. Mereka yang menuduh Maryam hanya berdasarkan beberapa *qarinah* antaranya:

- a) beliau masih anak dara dan tiada perkhabaran mengenai perkahwinan atau berlaku kejadian yang tidak diinginkan seperti rogol;
- b) perbuatan memencilkan dirinya daripada keluarga dan orang ramai;
- c) melahirkan anak tanpa bapa.³⁶

Jadi jelaslah bahawa *qarinah* kehamilan bagi seorang anak dara merupakan satu *qarinah* yang kuat. Dalam satu hadis diriwayatkan bahawa:

Seorang lelaki dari Ansar yang dikenali sebagai Basrah berkata: Saya berkahwin dengan seorang gadis dan semasa saya menyetubuhi beliau saya dapati dia mengandung. Bila saya khabarkan kepada Rasullullah, baginda bersabda: Dia layak untuk mendapatkan mahar kerana menghalalkan farajnya kepada kamu. Anaknyanya nanti menjadi hamba kamu. Selepas dia melahirkan anak nanti, sebatlah dia (ini menurut riwayat Hassan).³⁷

Pandangan bahawa *qarinah* kehamilan boleh menjadi bukti yang kuat juga dipersetujui oleh Saidina Umar,³⁸ Saidina Ali dan dikatakan bahawa para sahabat Nabi turut bersetuju dengan pandangan Saidina Umar ini.³⁹

35 Zulfakar Ramlee, "Al-Qarinah: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah" (Bab 7) dlm. Nasimah *et al*, *Undang-Undang Islam; Jenayah, Keterangan dan Prosedur; Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia*. Jilid 13, DBP, 2007, hlm.205.

36 Zulfakar Ramlee, "*The role of al-Qarinah (Circumstantial Evidence) in Islamic Law of Evidence: A Study of the Law in Malaysia, with Reference to the Rules and Principles of English Law*", PhD Thesis, Glasgow Caledonian University, Scotland, 1997, hlm 58.

37 *Sunan Abu Dawud*, (Kitab al-Nikah).

38 *Shahih al-Bukhari*, (kitab al-Muharibin).

39 Ibnu Qudamah, *al-Mughni wayalihu al-Sharh al-Kabir*.

Maka tidak hairanlah mengapa Imam Malik,⁴⁰ Imam Ibnu Taimiyyah,⁴¹ Ibnu Qayyim,⁴² Ibnu Farhun⁴³ dan lain-lain bersetuju dengan *qarinah* ini.⁴⁴

Seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (WP) 1997 memperuntukkan:

(3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya adalah keterangan *prima facie* tentang perlakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.

Seksyen 46 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan pula menyatakan:

- (1) Kecuali seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3) keterangan *qarinah* walaupun berkaitan hendaklah tidak boleh dijadikan satu cara yang sah untuk membuktikan kesalahan hudud.
- (2) Dalam perkara zina, kehamilan atau kelahiran anak oleh seseorang perempuan yang tidak mempunyai suami hendaklah menjadi keterangan yang boleh mendapatinya bersalah melakukan zina dan yang demikian hukuman hudud keatasnya hendaklah dikenakan melainkan jika dia dapat membuktikan sebaliknya.⁴⁵

Qarinah juga digunakan dalam kes rompakan (*hirabah*). Rasullulah sendiri memerintahkan agar perompak-perompak daripada kaum Urainy dihukum dengan hukuman *hudud hirabah* hanya berdasarkan *qarinah* kesan tapak kaki unta mereka dan barang-barang rompakan tersebut.⁴⁶ Maka tidak hairanlah mengapa para sahabat Nabi hanya menggunakan *qarinah* dalam membuktikan kes jenayah mencuri.

Qarinah telah menjadi amalan para khalifah al-Rasyidin untuk menjatuhkan hukuman potong tangan terhadap pihak tertuduh yang ditemui memiliki barang curi dan sudah pasti fakta ini (*qarinah*) lebih kuat daripada pengakuan ataupun keterangan saksi. Hal ini disebabkan kedua-dua bukti

40 Malik bin Anas, al-Muwatta'.

41 Ibnu Taimiyyah, *Majmu' Fatawa*.

42 Ibnu Qayyim, *Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyah*.

43 Ibnu Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*.

44 Ibnu Qudamah, Muwafaquddin, *al-Mughni wayalihi al-Sharh al-Kabir*.

45 Lihat juga Seksyen 49 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002.

46 Ibnu Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*.

ini masih mempunyai kebarangkalian untuk menjadi benar atau salah tetapi kewujudan barang curi dalam pemilikan seseorang ialah suatu bukti yang jelas yang tiada sebarang keraguan padanya.⁴⁷

Begitu juga dalam kesalahan minum minuman yang memabukkan (*al-Shub*) ulama daripada kalangan mazhab Maliki dan Hambali membenarkan *qarinah* bau arak yang keluar daripada mulut tertuduh atau muntah yang mengandungi arak dijadikan bukti yang melayakkan tertuduh dihukum dengan hukuman hudud.⁴⁸

Pandangan ini diterima pakai dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 46 menyatakan:

- (1) Kecuali seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3) keterangan *qarinah* walaupun berkaitan hendaklah tidak boleh dijadikan satu cara yang sah untuk membuktikan kesalahan hudud.
- (3) Dalam perkara minum arak atau sebarang minuman yang memabukkan, bau minuman yang didapati dalam nafas tertuduh itu atau muntahnya yang mengeluarkan arak atau minuman yang memabukkan atau apa-apa kesan darinya, atau pemerhatian Mahkamah kepada keadaan tertuduh itu bahawa dia sedang berada di dalam keadaan mabuk, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan untuk membuktikan bahawa dia telah melakukan kesalahan *syurb*, melainkan jika ia dapat membuktikan sebaliknya.⁴⁹

ISU BERHUBUNG DENGAN PEMBUKTIAN BERDASARKAN KETERANGAN DOKUMENTASI⁵⁰

Seksyen 48 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang menyebut “Kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder”.

47 Ibnu Qayyim, *Turuq al-Hukmiyyah*.

48 Ibnu Taimiyyah, *al-Siyasah al-Shari'ah*; Ibnu Qayyim, *Turuq al-Hukmiyyah*; Ibnu Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*.

49 Lihat juga Seksyen 49 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002.

50 Sebahagiannya dari kertas kerja “Pembuktian DNA, Mikrofilem dan Audiovisual Mengikut Prinsip Keterangan” yang telah dibentangkan pada Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Syariah Ke-5, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Shah Alam, 8 September 2003.

Seksyen 49 pula mentakrifkan keterangan primer:

“Keterangan primer ertinya dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan Mahkamah.

Huraian 1 – Jika sesuatu dokumen disempurnakan dalam beberapa bahagian, maka setiap itu ialah keterangan primer bagi dokumen itu.

Jika sesuatu dokumen disempurnakan dalam *kaunterpart* dan setiap kaunterpart itu disempurnakan oleh satu atau beberapa pihak sahaja, maka setiap *kaunterpart* itu ialah keterangan primer terhadap pihak yang menyempurnakannya.

Huraian 2 – Jika sebilangan dokumen kesemuanya dibuat melalui satu proses yang seragam, seperti dalam hal percetakan, litografi atau fotografi, maka setiap dokumen itu ialah keterangan primer mengenai kandungan yang lainnya itu; tetapi jika dokumen itu adalah semuanya salinan daripada dokumen asal yang sama, maka dokumen itu bukanlah keterangan primer bagi kandungan dokumen asal itu.

Huraian 3 – Sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.

Seksyen 50 pula menyatakan keterangan sekunder.

Keterangan sekunder termasuklah:

- (a) salinan diperakui yang diberikan di bawah peruntukan yang terkandung kemudian daripada ini;
- (b) salinan yang dibuat daripada naskhah asal melalui proses mekanikal, yang sendirinya memastikan ketepatan salinan itu, dan salinan yang dibandingkan dengan salinan itu;
- (c) salinan yang dibuat daripada atau yang dibandingkan dengan naskhah asal;
- (d) kaunterpart dokumen terhadap pihak yang tidak menyempurnakannya; dan
- (e) keterangan lisan mengenai kandungan sesuatu dokumen yang diberikan oleh seseorang yang telah melihat atau mendengar sendiri dokumen itu atau menanggapi sendiri dengan apa jua cara.

Seksyen 51 AKMS 1997 pula memperuntukkan:

Dokumen mestilah dibuktikan dengan keterangan primer kecuali dalam hal yang disebut kemudian daripada ini.

Nyatalah disini, seksyen 51 menekankan bahawa pembuktian dokumen mestilah dengan membawa keterangan primer atau dokumen asal. Ekoran itu, berdasarkan seksyen ini, pendakwa raya mestilah membuktikan salinan asal setiap dokumen yang akan dikemukakan sebagai bukti dan jika gagal berbuat demikian, seksyen 52 akan terpakai.

Seksyen 52 AKMS 1997 menyatakan:

Hal yang dalamnya keterangan sekunder berhubungan dengan dokumen boleh diberikan.

- (1) Keterangan sekunder boleh diberikan mengenai kewujudan, keadaan atau kandungan sesuatu dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan dalam hal yang berikut:
 - (a) apabila dokumen asal dibuktikan atau didapati berada dalam milik atau di bawah kuasa:
 - (i) orang yang terhadapnya dokumen itu hendak dibuktikan;
 - (ii) mana-mana orang yang di luar bidang kuasa atau yang tidak tertakluk kepada proses Mahkamah; atau
 - (iii) mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakannya, dan setelah diberikan notis yang disebut dalam seksyen 53, orang itu tidak mengemukakannya;

PEMBUKTIAN SESUATU DOKUMEN

Seksyen 55 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan:

“Pengakuan mengenai tulisan, tandatangan atau meterai:

- (1) Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meterai hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang menyempurnakan dokumen itu.
- (2) Sesuatu pengakuan yang dibuat dalam dokumen yang ditulis atau yang disebabkan ditulis oleh seseorang di bawah tandatangan atau meterainya dan diserahkan kepada orang lain boleh diterima sebagai *iqrar*, dengan syarat bahawa subseksyen 17(2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dipatuhi.

Subseksyen 17(2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 mengatakan:

“Sesuatu *iqrar* hendaklah dibuat:

- (a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau
- (b) diluar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki akil, baligh dan ‘adil.

Seksyen 55(1) AKMS 1997 mengenai pengakuan atau *iqrar*. Pengakuan merupakan *the best evidence rule*. Seksyen 55(1) mengatakan bahawa pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meterai hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang menyempurnakan dokumen itu.

Tiada halangan seksyen ini untuk diguna pakai dalam kes-kes yang melibatkan kesalahan hudud yang mewajarkan hukuman hudud.⁵¹

ISU PEMAKAIAN KETERANGAN DNA⁵²

Isu yang sering kali timbul ialah bolehkah ujian DNA ini diterima pakai di mahkamah syariah di Malaysia. Persoalan ini menarik dan amat relevan kerana pada zaman yang canggih ini penjenayah juga bijak menyembunyikan bahan kes.

Dalam menjawab soalan ini, rujukan perlulah dibuat kepada statut yang paling relevan, iaitu Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP)1997. Akta ini telah menerima pakai konsep *al-bayyinah* yang cukup luas. Seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 3 *al-bayyinah* telah ditakrifkan sebagai “keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*”.

Maka jelaslah disini bahawa hasil ujian DNA dapat dikemukakan di mahkamah syariah sebagai salah satu keterangan yang berupaya membuktikan sesuatu dakwaan atau tuntutan.

Hasil ujian DNA juga boleh diterima pakai di mahkamah syariah sebagai satu jujuk daripada pandangan pakar. Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP)1997 memperuntukkan:

51 Lihat seksyen 39 Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah II 1993 Kelantan.

52 Untuk perbincangan dalil-dalil dan hujah menurut syarak sila lihat Zulfakar Ramlee, “Keterangan DNA dalam Sistem Perundangan Islam” dlm. *Jurnal ILIM* Bil. 1, hlm.. 111-18, 2008.

- (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab* ialah *qarinah*.
- (2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.

Seksyen ini dengan jelas memberikan ruang yang luas untuk pihak terbabit mengemukakan pandangan daripada pakar atau lebih berdasarkan hasil uji kaji sains termasuklah ujian DNA ini. Sebagai contoh, analisis daripada pakar kimia dapat menyelesaikan isu keaslian atau ketulenan sesuatu penulisan atau dokumen. Seterusnya analisis daripada pakar genetik dapat merungkaikan isu pewarisan atau yang berhubung kait dengan isu anak tak sah taraf.

Pembuktian berdasarkan analisis daripada pakar perubatan mengenai sesuatu kecederaan atau pembunuhan dapat menyelesaikan kes jenayah atau tuntutan pampasan terhadap kecederaan yang dialami. Hasil ujian DNA dapat digunakan dalam membuktikan sesuatu kesalahan yang dilakukan dan pada masa yang sama juga dapat menafikan penglibatan seseorang dalam sesuatu kes yang didakwa.

Dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin Abdul Japar*,⁵³ yang merupakan kes pertama di mahkamah syariah di Malaysia yang menggunakan kaedah DNA⁵⁴ sebagai keterangan bagi membuktikan berlakunya kesalahan persetubuhan haram atau zina. Mahkamah menjatuhkan hukuman salah terhadap tertuduh berdasarkan kesamaan pada hasil ujian DNA tertuduh, pasangannya dan anak yang dilahirkan oleh pasangannya. Mahkamah dalam kes ini telah memberikan ruang atau peluang kepada tertuduh untuk menafikan penglibatannya melalui kaedah yang sama tetapi ujian DNA yang dilakukan sendiri bagi pihak tertuduh gagal dikemukakan kepada mahkamah.

53 (2007) 23/2 JH 237.

54 Selepas empat tahun penulis menyarankan agar kaedah ini diguna pakai dalam kes jenayah takzir di Malaysia dalam kertas kerja "Pembuktian DNA, Mikrofilem dan Audiovisual Mengikut Prinsip Keterangan", Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Syariah Ke-5, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Shah Alam, 8 September 2003.

KESIMPULAN

Berdasarkan beberapa isu yang dibangkit tersebut, jelaslah bahawa peranan semua pihak terutama para pegawai pendakwa dan peguam yang banyak membantu hakim dalam usaha untuk mencapai keadilan. Sekiranya peguam kedua-dua pihak berusaha keras demi mencapai sesuatu yang difikirkan betul berdasarkan kajian dan pemakaian prinsip pembuktian maka beberapa isu yang sukar akan dapat diatasi dengan baik. Para ilmuwan dan ahli akademik juga disarankan agar dapat menyumbangkan idea bagi menyelesaikan beberapa kekeliruan atau kekurangan yang ada.

RUJUKAN

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1993.

Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah II 1993 Kelantan.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002.

Ibn Farhun *et. al.*, 2003. *Tabsirat al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyah wa-Manahij al-Ahkam*. Al-Riyad: Dar `Alam al-Kutub.

Amir al-Jazzar & Anwar al-Baz (ed.), 2005. *Majmu' Fatawa* oleh Ibnu Taimiyah. Mesir: Dar al-Wafa & Dar Ibn Hazm.

Ibnu Qayyim *et. al.*, 1985. *Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyah*. Jiddah: Dar al-Madani.

Ibn Qudamah *et al.*, 1960. *Al-Mughni wa-Yalihi al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi.

Jariah Binti Yahya dan 3 yang lain lwn Nor Hasiah binti Harun [2010] JH 31/1 81.

Kertas kerja 'Pembuktian DNA, Mikrofilem dan Audiovisual Mengikut Prinsip Keterangan', yang telah dibentangkan pada Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Syariah Ke-5, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Shah Alam, 8 September 2003.

"JAIS Jangan Lepas Tangan" dlm. 'M' *MATAHARI* Bil. 59, 16-31 Julai 2004.

- Malik bin Anas, 1985. *al-Muwatta'*. Diterjemah oleh Muhammad Rahimuddin. Edisi Semakan. Mumbai: Taj.
- Nasimah *et al*, 2007. *Undang-Undang Islam; Jenayah, Keterangan dan Prosedur: Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia*. Jilid 13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Sun*, bertarikh 13 Julai 1999, ms. 6 dengan tajuk “Muslims who admit to adultery face trial.”
- Sahih al-Bukhari*, 1984. Diterjemah ke Bahasa Inggeris oleh MM Khan, Kazi Publications, Lahore, (Kitab al-Muharibin).
- Sunan Abu Dawud*, 1984. *Kitab al-Nikah*. Terjemahan Bahasa Inggeris oleh Ahmad Hasan. Hadith No. 2126. Jilid 2. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
- Zulfakar Ramlee, *Onus and Quantum of Proof in Islam*, [2012] *ShLR* ms. xliii.
- Zulfakar Ramlee, “Keterangan DNA dalam Sistem Perundangan Islam” dlm. *Jurnal ILM* Bil. 1, hlm. 111-18, 2008.
- Zulfakar Ramlee, 2003. “Penyiasatan di dalam Kanun Acara Jenayah Syariah di Malaysia” dlm. Monir & Shamsiah (ed) *Pendakwaan dan Penyiasatan*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Zulfakar Ramlee, 2007. “*Al-Qarinah*: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah,” dlm. Nasimah Hussin (*et al.*), *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulfakar Ramlee, 1997. “*The role of al-Qarinah (Circumstantial Evidence) in Islamic Law of Evidence: A Study of the Law in Malaysia, with Reference to the Rules and Principles of English Law*”. Tesis PhD. Glasgow Caledonian University, Scotland.